

ANM(T)81/10/6/10/Jld.4/( 2 )  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatanarrah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri  
Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
Semua Pusat Gaji



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA  
SURAT PEKELILING  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 2 TAHUN 2002  
PERATURAN PELAKSANAAN  
PEMBAYARAN SISTEM SARAAN MALAYSIA  
BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

## **1. TUJUAN**

1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang meliputi pembayaran berikut:-

- i) Peningkatan matagaji kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah SSM;
- ii) Bayaran Khas SSM bagi anggota tetap yang memilih terima SSM; dan
- iii) Pelarasan elaun-elaun kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah SSM.

## **2. ASAS BAYARAN**

2.1 Bayaran yang dibuat adalah berdasarkan syarat-syarat dan kadar bayaran seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 "Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan".

2.2 Kadar peningkatan matagaji yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan di atas adalah seperti berikut:-

- i) RM 110.00 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- ii) RM 65.00 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan

iii) RM 15.00 bagi Kumpulan Sokongan.

2.3 **Bayaran Khas SSM** ( dibayar sekali sahaja kepada **anggota tetap** yang memilih terima SSM ) adalah seperti berikut:-

- i) RM 650.00 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- ii) RM 350.00 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan
- iii) RM 220.00 bagi Kumpulan Sokongan

2.4 Pelarasan elaun-elaun lain adalah seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan di atas.

### **3. KADEAH PEMBAYARAN**

3.1 Pembayaran Secara Sistem Gaji Berkomputer (SGB)

#### 3.1.1 Peningkatan Matagaji

Bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan tetap yang memilih terima SSM yang gajinya dibayar melalui SGB, pembayaran peningkatan matagaji akan dibayar mulai gaji bulan **November** 2002. Walaubagaimanapun bagi anggota sementara, kontrak, sangkut, sambilan, Guru Sandaran dan Pekerja Khidmat Singkat yang tidak layak ditawarkan opsyen, mereka juga akan dibayar mengikut matagaji SSM mulai gaji bulan **November** 2002.

#### 3.1.2 Bayaran Khas SSM

**Anggota tetap yang memilih terima SSM** akan dibayar Bayaran Khas SSM hanya sekali sahaja mengikut kadar yang ditetapkan di dalam bulan **November** 2002.

#### 3.1.3 Bayaran Elaun-elaun

Pelarasan elaun-elaun berikut akan juga dibayar mulai gaji bulan **November** 2002 :-

- i) Elaun Pemangkuhan dan Elaun Penanggungan Kerja;
- ii) Bayaran Imbuhan Tetap Keraian;
- iii) Bayaran Bantuan Insentif Wilayah; dan
- iv) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

#### 3.1.4 Elaun-elaun Lain

Pelarasan elauan-elaun lain jika ada hendaklah diselaraskan melalui Penyata Perubahan (Kew. 8).

### 3.2 Pembayaran Secara Baucar Berasingan

Bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang gajinya tidak dibayar melalui SGB, bayaran boleh dibuat secara baucar berasingan mulai gaji bulan **November 2002**.

## 4. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN

4.1 Dalam melaksanakan SSM, peraturan seperti berikut perlu dipatuhi:-

### 4.1.1 Pembayaran Melalui Sistem Gaji Berkomputer (SGB)

4.1.1.1 Pejabat Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Semakan (R630) pada **15 Oktober 2002** yang akan mengambilkira secara automatik perkara-perkara berikut:-

- i) peningkatan matagaji berdasarkan data gaji bulan Oktober 2002;
- ii) Bayaran Khas SSM;
- iii) Elaun Pemangkuhan dan Elaun Penanggungan Kerja;
- iv) Bayaran Imbuhan Tetap Keraian;
- v) Bayaran Bantuan Insentif Wilayah; dan
- vi) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

4.1.1.2 Laporan R630 adalah dianggap sebagai menggantikan Borang Perubahan Gaji yang mengandungi maklumat gaji dan elauan-elaun yang telah diselaraskan untuk **disemak dan disahkan** oleh Pusat Gaji.

4.1.1.3 Laporan R630 yang siap disemak oleh Pusat Gaji hendaklah disampaikan kepada Pejabat Perakaunan secepat mungkin dan selewat-lewatnya pada **5 November 2002**.

4.1.1.4 Walaubagaimanapun urusan mengenai penyediaan Penyata Perubahan (Kew. 8) masih perlu dipatuhi. Penyata Perubahan (Kew. 8) perlu disediakan untuk semua peningkatan matagaji/bayaran khas/pelarasan elauan yang dibayar di bawah SSM. Penyata Perubahan (Kew. 8) yang disediakan hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan tetapi tidak perlu dihantar ke Pejabat Perakaunan.

### 4.1.2 Pembayaran Secara Baucar Berasingan

Dalam mengemukakan baucar berasingan untuk pembayaran peningkatan matagaji, bayaran khas SSM dan pelarasan elaun, dokumen berikut diperlukan sebagai **dokumen sokongan**:

- i) Penyata Perubahan (Kew. 8);
- ii) Salinan Penyata Gaji atau Salinan Lembaran Gaji Manual atau Salinan Fail Induk Gaji (Master Listing); dan
- iii) Catatan Pengiraan Pelarasan

#### 4.1.3 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun peningkatan matagaji, bayaran khas SSM dan elaun-elaun. Amaun pelarasan berkenaan akan diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan.

#### 4.1.4 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran khas SSM yang dibayar kepada anggota tetap yang memilih terima SSM adalah bukan merupakan upah di bawah Akta KWSP 1991 dan ianya tidak wajib dicarumkan ke KWSP.

#### 4.1.5 Kod Urusniaga

4.1.5.1 Kod-kod urusniaga yang perlu digunakan adalah seperti di [Lampiran 1](#).

4.1.5.2 Kod-kod elaun lain selain dari yang disenaraikan di dalam [Lampiran 1](#) jika ada yang terlibat boleh dirujuk kepada Pejabat Perakaunan yang berhampiran.

### 5. TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN

5.1 Ketepatan pembayaran peningkatan matagaji, bayaran khas SSM dan pelarasan elaun adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan di mana pegawai ditempatkan.

### 6. PERUNTUKAN UNTUK PEMBAYARAN

6.1 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah membayar peningkatan matagaji, bayaran khas SSM dan pelarasan elaun-elaun daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbadanan.

### 7. PENUTUP

7.1 Jabatan Akauntan Negara Malaysia yakin bahawa dengan kerjasama sepenuhnya dari setiap anggota perkhidmatan awam, pembayaran pelarasan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sebarang masalah yang dihadapi berkaitan dengan pembayaran peningkatan matagaji, bayaran khas SSM dan pelarasan elaun-elaun berkaitan boleh dirujuk kepada Pejabat Perakaunan yang berhampiran.

Sekian , terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(Datuk Siti Maslamah Binti Osman)**

**Akauntan Negara Malaysia.**

September 2002

s.k.

Ketua Audit Negara.

Semua Pegawai Kewangan Negeri.

Semua Akauntan/Bendahari Negeri.

Semua Pengurus Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.

Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.

Ketua Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pengurus Besar KWSP.